

02 DEC 1999

Samy-Lebuh Raya

LEBUHRAYA PANTAI TIMUR MUNGKIN HINGGA KUANTAN SAHAJA, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Lebuhraya Pantai Timur mungkin akan dibina sehingga bandar Kuantan sahaja berikutan perkembangan di Terengganu dengan kemenangan PAS di negeri itu, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Katanya ini termasuk langkah kerajaan pimpinan Pas menghentikan kutipan tol di Jambatan Sultan Mahmud selaras dengan janji yang dibuatnya bagi menghadapi pilihan raya ke-10 Isnin lepas.

"Kerajaan pusat perlu berfikir dengan mendalam sebelum meneruskan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur kerana pelbagai keputusan telah dibuat oleh PAS dalam tempoh semalaman," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan wakil rakyat MIC yang menang di semua tujuh kerusi Parlimen dan 15 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang ditandingi mereka atas tiket Barisan Nasional (BN).

Bagaimanapun, Samy Vellu berkata keputusan muktamad mengenai pembinaan lebuh raya itu hanya boleh dibuat jemaah menteri.

"Saya akan sampaikan pandangan saya kepada jemaah menteri...jika saya masih berada dalam jemaah menteri," katanya secara berseloroh.

Samy Vellu berkata berikutan langkah menghentikan kutipan tol itu, beliau percaya jika projek lebuh raya berharga kira-kira RM2.8 bilion itu dilaksanakan di Terengganu, ada kemungkinan penduduk negeri itu tidak suka menggunakannya.

"Mereka suka menggunakan jalan tanpa membayar apa-apa tol... jadi kita akan membina (lebuhraya itu) sampai ke Kuantan sekarang. Selepas itu kita tunggulah apa keadaan (selanjutnya)," katanya.

Kontrak pembinaan lebuh raya sepanjang 338 kilometer, yang sepatutnya menghubungkan Kuala Lumpur dan Terengganu melalui negeri Pahang itu, diberikan kepada Konsortium Malaysia-Thailand Development Capital (MTD) Berhad.

Syarikat itu sebelum ini bertanggungjawab membina Lebuhraya Karak yang menghubungkan Kuala Lumpur dan Bentong, Pahang.

Upacara pecah tanah fasa pertama Lebuhraya Pantai Timur disempurnakan Datuk Seri Adnan Yaakob selaku Menteri Besar Pahang 23 Nov lepas.

Ia merangkumi dua bahagian iaitu dari Karak ke Temerloh sejauh 50km dan bahagian kedua dari Chendering ke Bukit Besi di Terengganu sepanjang 57km.

Mengenai pertemuannya dengan 22 wakil rakyat MIC itu, Samy Vellu berkata beliau meminta mereka menubuhkan pejabat dilengkapi, antara lain dengan telefon, mesin faksimili dan mel elektronik (e-mel) di kawasan masing-masing bagi memudahkan rakyat menyalurkan segala masalah mereka.

Mereka juga disaran kerap mengadakan lawatan di kawasan masing-masing dan berusaha menyelesaikan segala masalah rakyat seberapa segera yang boleh.

"Mereka juga perlu menghadiri majlis seperti perkahwinan dan kematian kerana penduduk tempatan akan berbesar hati melihat kehadiran wakil rakyat mereka," katanya.

Samy Vellu juga menasihatkan mereka supaya menubuhkan apa yang dipanggil jawatankuasa pengundi untuk bekerjasama dengan Suruhanjaya Pilihan Raya bagi mendaftar pengundi baru dan mengeluarkan nama pemilih yang telah meninggal dunia di kawasan mereka.

"MIC berjanji akan meneruskan segala rancangan dan tindakan bagi memastikan rakyat hidup dalam keadaan selesa," katanya.

Menjawab satu soalan, Samy Vellu berkata MIC telah menghantar senarai

anggotanya untuk ditimbangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan membentuk kabinet baru tidak lama lagi.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin negeri yang melantik anggota Exco dari parti yang mewakili masyarakat India itu.

-- BERNAMA

MAM RHM